

Mitraland Group sumbang RM134,820 kepada 4 sekolah

Fakta
nombor

RM46,350 JUMLAH

diterima SJKC
Perempuan Klang

RM35,190 JUMLAH

diterima SJKC
Khe Beng



[FOTO FAIZ ANUAR /BH]

Theong Yee (tengah) diiringi Chee Hoaw (kanan) menyampaikan sumbangan kepada empat sekolah yang terpilih pada Program 5KM Charity Fun Run di Klang, semalam.

Klang: Pemaju perumahan, Mitraland Group menyumbangkan RM134,820 kepada empat sekolah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu melalui program 5KM Charity Fun Run kali keenam di Taman Tasik Rekreasi@Gravit8, semalam.

Program larian amal anjuran Mitraland itu disertai 3,100 peserta terdiri daripada pelbagai peringkat usia termasuk pelajar, ibu bapa, guru dan penduduk Klang.

Larian sejauh lima kilometer itu dilepaskan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chuah Theong Yee, pada jam 7 pagi.

Theong Yee berkata, larian amal itu adalah sebahagian daripada usaha Mitraland dalam membantu memperkasakan lagi pendidikan di sekolah.

Beliau berkata, empat sekolah yang terpilih menerima sumbangan ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Perempuan Klang yang menerima RM46,350 dan SJKC Khe Beng (RM35,190), SJKC Chung Chua (RM23,220) serta Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Simpang Lima yang menerima sumbangan sebanyak

RM23,220.

Katanya, wang sumbangan itu berlainan berikutan ia mengikut jumlah wang penyertaan yang diterima mengikut sekolah masing-masing dan kemudian digandakan sekali ganda.

Komited, prihatin

"Mitraland sentiasa komited dan prihatin dengan pendidikan di sekolah. Sumbangan melalui larian amal ini diharap dapat membantu pembangunan sekolah

"Tahun ini larian amal ini agak istimewa berikutan ia dianjurkan sempena dengan ulang tahun ke-20 Mitraland. Tambahan pula, larian pada tahun ini dijalankan di Taman Tasik Rekreasi@Gravit8 yang dilancarkan semalam (kelmarin)," katanya.

Sumbangan diserahkan oleh Theong Yee sambil disaksikan Pengerus Besar Mitraland, Tan Chee Hoaw kepada wakil sekolah berkenaan, selepas tamat larian amal berkenaan.

Selain beramal, program itu bertujuan menggalakkan sikap positif dalam kalangan masyarakat supaya menjalani gaya hidup aktif dan sihat